



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH		
TARIKH	:	30/7/2021 (JUMAAT)	MUKA SURAT	: 18
JABATAN	:	TNB		

Sumber air susut jejas bekalan di loji Wakaf Bharu

BH, 30 Jul
2021_18

Kira-kira 200,000 penduduk di lima jajahan berdepan masalah sejak Khamis lalu

Oleh Hidayatidayu Razali
bhnews@bh.com.my

Kota Bharu: Penyusutan sumber air tanah sebanyak empat juta liter sehari, menjadi punca gangguan bekalan air dari Loji Rawatan Air (LRA) di Wakaf Bharu, di sini, sejak minggu lalu.

Air Kelantan Sdn Bhd (AKSB) dalam kenyataan berkata, pengeluaran air terawat dari LRA Wakaf Bharu menurun dan mengakibatkan berlaku gangguan bekalan air di kawasan tertentu, terutama yang terletak di hujung sistem agihan LRA berkenaan.

Menurut kenyataan itu, bagi meningkatkan pengepaman air mentah, AKSB meningkatkan penyelenggaraan telaga dengan tujuan menambah kecekapan telaga.

Susulan kejadian itu, AKSB menghantar bekalan air melalui lori tangki ke kawasan gangguan air yang membabitkan kira-kira 200,000 penduduk di lima jajahan di negeri ini.

Antara jajahan yang mengalami masalah gangguan air termasuk penduduk di Kota Bharu Selatan, Machang, Tumpat dan Pasir Puteh.

AKSB berkata, pihaknya menempatkan tangki statik di kawasan dikenal pasti dan akan memastikan tangki itu sentiasa ada air untuk kegunaan pelanggan.

Beliau berkata, pihaknya juga



Kerja membaiki dan membuat penyambungan kabel di Telaga HCW no 2 di Semuba, Kelar, sedang giat dilaksanakan semalam.

(Foto ihsan Facebook Air Kelantan Official)

menghantar air melalui lori air kontrak dan AKSB ke tangki statik serta pelanggan AKSB yang terbahit.

"Masalah air di kawasan Perumahan Taman Sri Machang yang menerima bekalan air terawat dari LRA Merbau Chondong disebabkan pemberhentian pam air mentah di medan telaga ekoran bekalan Tenaga Nasional Berhad (TNB) terputus, Jumaat lalu.

"Akibatnya pengeluaran air terawat berkurangan dan menyebabkan kurang takungan air di tangki utama di LRA Merbau Chondong, Tangki Kubah dan Tangki Machang.

"LRA Merbau Chondong membekalkan air terawat ke jajahan Machang, Pasir Puteh dan kawasan Kota Bharu Selatan.

"Ini mengambil masa untuk pulih sepenuhnya selepas bekalan elektrik TNB disambung balik," katanya.

Kenyataan itu berkata, terdapat 19 akaun pelanggan yang terletak di kawasan lebih tinggi dari paras paip air masuk ke Tangki Amboran di Taman Sri Machang dan mudah terkesan apabila pengeluaran LRA Merbau Chondong menurun.

Katanya, kawasan perumahan yang lokasinya lebih rendah dari

Tangki Amboran, akan pulih lebih cepat selepas gangguan bekalan air pulih.

Media melaporkan, lima jajahan atau separuh daripada negeri ini yang membabitkan kira-kira 200,000 penduduk berdepan gangguan bekalan air tidak berjadual yang berlarutan hingga lima hari sejak Khamis lalu.

Gangguan dalam tempoh 24 hingga 72 jam itu turut dialami oleh pengguna di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat (PKPD).

Paling kritikal di Tumpat apabila 15,334 akaun pengguna yang mengalami gangguan air.

